

PERAK TODAY THE PORTAL

tel : 05-541 7400
faks : 05-541 7500
emel : editor@peraktoday.com.my
Facebook : Perak Today
WeChat ID : peraktoday
WhatsApp : 013 - 903 8008

DS Zambry Lancar CSM-ACE 2014

Perak Hari Ini



Wednesday, November 12, 2014 11:51 am 113



Bagi mengatasi masalah keselamatan siber negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi CyberSecurity Malaysia hari ini menganjurkan Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2014 di Hotel Casuarina@Meru, dekat Ipoh.

Persidangan tahunan itu dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, sebentar tadi.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Mohd Azumi Mohamed.

Berlangsung sehingga 15 November, program yang bertemakan 'Eko-sistem Yang Selamat dan Dipercayai' itu turut memabitkan beberapa aktiviti lain termasuklah World Trustmark Alliance (WTA) Annual Summit 2014, National ICT Security Discourse (NICTSeD): CyberSAFE Challenge Trophy 2014 dan Universiti Teknologi PETRONAS UTP-HAX'14- National Hacking Competition 2014.


Program ini melibatkan tiga komponen utama iaitu pameran, persidangan dan penganugerahan kepada individu yang terlibat dalam bidang keselamatan siber.

CyberSecurity Malaysia merupakan sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan aspek e-Keselamatan Nasional.

Ia didaftarkan sebagai syarikat berhad dengan jaminan (A Company Limited by Guarantee) di bawah nama National ICT Security Emergency Response Centre (NISER) dan kemudian bertukar nama menjadi CyberSecurity Malaysia pada 20 Ogos 2007.



Videos



Galeri



Popular Latest

Jangan pinggirkan bahasa Melayu – Muhyiddin
November 12, 2014 Nasional

Perhimpunan Agung UMNO akan bincang Akta Hasutan



CyberSecurity Malaysia berperanan sebagai sebuah agensi yang membekalkan perkhidmatan kepakaran keselamatan ICT dan mengenalpasti secara berterusan bidang-bidang yang membahayakan keselamatan Negara.

Antara perkhidmatan yang disediakan untuk seluruh rakyat Malaysia ialah tindak balas kecemasan siber dan forensik digital, pengurusan kualiti keselamatan siber, pembangunan profesional dalam bidang keselamatan maklumat dan perkhidmatan capaian (outreach) atau kesedaran awam (public awareness), pelaksanaan Dasar Keselamatan Siber Nasional, pusat koordinasi teknikal nasional bagi aspek keselamatan siber serta penyelidikan dan kajian risiko ancaman siber.



Comments

Add a comment...

Comment

Facebook social plugin

Share: 13 14

Previous Post:

-
- November 11, 2014 Laporan Eksklusif
- November 13, 2014 Jenayah

Tweets

- China opens first leg of high-speed railway in Xinjiang <http://t.co/TkbEq4uSGN>
November 16, 2014 Reply
- Tiada sijil lahir kepada kanak-kanak tidak bernegara - PM <http://t.co/lv9a5hlzxm>
November 16, 2014 Reply
- Ragbi Silver Gaurus Berpotensi ke Peringkat Antarabangsa <http://t.co/aRcNhf6UjyD>
November 16, 2014 Reply
- Rosyam, anak serikan Festival Muslimah BH <http://t.co/u6910MOfaW>
November 16, 2014 Reply

Like FB Perak Today

Perak Today

Perak Today shared a link
25 mins

China opens first leg of high-speed railway in Xinjiang
Sunday, November 16, 2014 7:56 pm 54 BEUING

39,501 people like Perak Today.




Facebook social plugin

Next Post:

Harga Sayur, Bunga Dari Cameron Highlands Dijangka Naik

Leave a Reply

Your email address will not be published. Required fields are marked *

 Your full name *	 Your email address *	 Your website
<p>Your comment *</p> <div style="border: 1px solid #ccc; height: 200px; width: 100%;"></div>		

You may use these [HTML](#) tags and attributes: <abbr title=""> <acronym title=""> <blockquote cite=""> <code> <del datetime=""> <i> <q cite=""> <strike>

[Post Comment](#)

Arkib

Enter keywords



Select Month

Search